

D852

U 8020 AAB
MAHATHI R - AQUINO

(I)

KUALA LUMPUR, 4 DIS (BERNAMA) - PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, TELAH MENGHANTAR PERUTUSAN KEPADA PRESIDEN CORAZON AQUINO DARI FILIPINA MELAHIRKAN +KEBIMBANGANNYA+ TERHADAP PERCUBAAN TERBARU RAMPASAN KUASA TERHADAP KERAJAAN AQUINO.

DALAM PERUTUSAN YANG DIHANTAR SABTU LEPAS, PERDANA MENTERI BERKATA: +SAYA TELAH MENGIKUTI PERKEMBANGAN DI FILIPINA SEJAK EEBERAPA HARI LEPAS DENGAN +PENUH KEBIMBANGAN+.

+PERCUBAAN OLEH ANASIR-ANASIR DALAM ANGKATAN TENTERA FILIPINA UNTUK MENGGULINGKAN KERAJAAN PUAN MELALUI KEKERASAN AKAN MENIMBULKAN KEADAAN TIDAK STABIL DI FILIPINA DAN RANTAU INI, + KATA BELIAU. SALINAN KENYATAAN ITU DIKELUARKAN OLEH WISMA PUTRA HARI INI.

+SEBAGAI NEGARA JIRAN TERDEKAT, MALAYSIA MENGANGGAP PERKEMBANGAN INI SEBAGAI HALANGAN KE ARAH PEMBANGUNAN SEMULA NEGARA, + KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

+KERAJAAN SAYA BERHARAP PUAN DAPAT MENGEMBALIKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN DI FILIPINA DENGAN SECEPAT MUNGKIN DAN MEWUJUDKAN PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT FILIPINA, + TAMBAHNYA. -- LAGI
1506MST 04 12 89

D853

U 8022 AAB
MAHATHIR - AQUINO 2 KUALA LUMPUR

(I)

SEMENTARA ITU, MENTERI LUAR, DATUK ABU HASSAN OMAR, HARI INI BERKATA BAHWA SEMUA RAKYAT MALAYSIA DI MANILA BERADA DALAM KEADAAN SELAMAT DAN MEREKA YANG TERKANDAS AKAN DIBAWA PULANG OLEH PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) APABILA LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA DI MANILA DIBUKA SEMULA.

ANTARA MEREKA YANG TERKANDAS IALAH KETUA HAKIM NEGARA, TUN ABDUL HAMID OMAR, DAN ISTERNYA SERTA KIRA-KIRA 15 ORANG SENATOR YANG BERADA DI MANILA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA LAWATAN KE IBU NEGARA ASEAN.

MAS, DAN SYARIKAT PENERBANGAN LAIN, MEMBATALKAN PENERBANGANNYA KE MANILA SELEPAS LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA NINOY AQUINO DITAWAN OLEH ASKAR-ASKAR PEMBERONTAK.

DATUK ABU HASSAN BERKATA HANYA MEREKA YANG TERKANDAS AKAN DIPINDAHKAN. +SETAKAT INI, KAKITANGAN KEDUTAAN MALAYSIA ATAU KELUARGA MEREKA TIDAK PERLU DIPINDAHKAN, + KATANYA.

DATUK ABU HASSAN MEMBERITAHU PEMBERITA DEMIKIAN SELEPAS DIKUNJUNGI OLEH MENTERI EKONOMI, PERANCANGAN DAN KEWANGAN LAOS, SALLY VONGKHAMSAO, DI SINI. -- LAGI
1508MST 04 12 89

D854

U 8024 AAB
MAHATHIR - AQUINO 3 KUALA LUMPUR

(I)

ENCIK VONGKHAMSAO, YANG JUGA TIMBALAN PERDANA MENTERI LAOS, MENGETUAI PERWAKILAN EMPAT ANGGOTA DALAM LAWATAN PERINGKAT TERTINGGL KE MALAYSIA. LAWATAN EMPAT HARI ITU SEBAGAI MEMBALAS LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA, KE LAOS TAHUN LEPAS.

DATUK ABU HASSAN BERKATA LAOS, YANG INGIN MENINGKATKAN HUBUNGAN DENGAN MALAYSIA, TELAH MEMINTA BANTUAN MALAYSIA BAGI MEMAJUKAN INDUSTRI PERTANIAN DAN SISTEM BANKNYA.

BELIAU BERKATA BAHWA BANTUAN ITU BOLEH DITAWARKAN MENGIKUT PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA (MTCP) DENGAN LATIHAN DIBERI KEPADA PARA PEGAWAI LAOS.

LAOS JUGA BERMINAT KEPADA PELABURAN MALAYSIA DAN MEMPELAWA AHLI-AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA MENKAJI KEMUNGKINAN MENGADAKAN USAHASAMA DALAM INDUSTRI BERASASKAN PERTANIAN. -- BERNAMA
1510MST 04 12 89